



LEMBAGA  
LEBUHRAYA  
MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG (LUARAN)

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1( 25 )

### 1) JURUAUDIT (GRED W41) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Juruaudit (Gred W41)  
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
2. Jadual Gaji : RM 2,094.00 - RM 9,585.00
3. Syarat Lantikan :-  
Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) Warganegara Malaysia ;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W41 : RM2,300.73); atau
  - d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W41 : RM2,819.63); atau
  - e) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan pada Gred W41 : RM2,819.63); atau

- f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji Permulaan pada Gred W41 : RM2,923.41); atau

- g) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji Permulaan pada Gred W41 : RM3,027.19)

- h) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Menjalankan Pengauditan Pematuhan Pengurusan Kewangan, Prestasi dan susulan terhadap pengauditan di 12 Bahagian di bawah LLM dan 4 Pejabat Wilayah. Selain itu, UAD juga berfungsi sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Audit LLM dan sebagai penyelaras kepada pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **14 Januari 2021 (Khamis)** hingga **20 Januari 2021 (Rabu)**.

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 Januari 2021 (Khamis)**.

## **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;

- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan; dan
- iv) Tidak menyertakan jawapan soalan esei bersama-sama borang permohonan.

#### **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

## **Soalan Esei**

Penularan Wabak Covid-19 secara global telah menjangkiti 4.9 juta manusia dan mengakibatkan kehilangan lebih 400 ribu nyawa. Penyebaran jangkitan *Coronavirus* ini telah mengubah corak kehidupan manusia serta merencat pertumbuhan ekonomi dunia dengan drastik. Secara tidak langsung ianya mendatangkan kesan kepada ekosistem perniagaan domestik seperti industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, industri pertanian dan lain-lain yang sekaligus mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan. Berikan pendapat anda mengenai perkara ini serta langkah-langkah penyelesaiannya.